

PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN BERSEJARAH DALAM
MEMPERTINGKATKAN IMEJ BANDAR MELAKA SEBAGAI DESTINASI
PELANCONGAN

Oleh

MOHAMAD FAUZI BIN AHMAD

Thesis ini disediakan untuk memenuhi keperluan
Diploma Lanjutan Perancangan Bandar dan Wilayah

Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Institut Teknologi Mara, Shah Alam

Mei 1992

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasihani.

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya maka saya dapat menyiapkan thesis ini dengan jayanya. Tidak ketinggalan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia thesis iaitu Puan Dasimah Bte. Omar kerana dengan panduan, nasihat serta pandangan bernas dari beliau telah mendorong saya untuk menghasilkan satu kajian yang agak lengkap. Tanpa bantuan dari beliau kemungkinan besar thesis ini tidak dapat mencapai tahap sebagai syarat memperolehi Diploma Lanjutan Perancang Bandar dan Wilayah.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada kedua ibubapa saya yang tidak jemu-jemu mendoakan kejayaan saya, juga kakak dan adik saya yang sentiasa memberi dorongan serta orang perseorangan yang telah membantu di dalam penyediaan thesis ini sama ada secara langsung ataupun tidak.

Sekian terima kasih.

Mohamad Fauzi B. Ahmad

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah mengenai penggunaan pendekatan pengekalan dan pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan bersejarah di bandaraya bersejarah Melaka agar bangunan-bangunan tersebut menjadi khazanah warisan bangsa dan negara. Langkah ini dapat mengurangkan pembangunan bandar yang terlalu pesat di kawasan bandar kerana pada masa sekarang, tiada polisi mahupun garis panduan yang khusus dalam pengekalan dan perlindungan bangunan sejarah. Oleh itu untuk mendapatkan kefahaman yang luas mengenai pendekatan ini, bahan-bahan bacaan terutama yang menerangkan konsep pengekalan dan pemuliharaan di United Kingdom dan negara ini diambil untuk dibuat perbandingan.

Setelah pihak pengkaji mengetahui konsep pengekalan dan pemuliharaan maka kajian di lapangan dijalankan. Kajian berbentuk primer dan sekunder menjadi maklumat utama dalam mengumpulkan data kepada kajian ini. Kajian yang dijalankan ini berkisar kepada elemen-elemen bandaraya bersejarah Melaka terutama rupabentuk bandar, bangunan bersejarah, unik dan menerangkan warisan sesuatu bangsa serta aktiviti yang dijana oleh pengunjung. Segala elemen-elemen ini akan dikaji secara terperinci dari segi perkaitannya dengan bandar Melaka keseluruhannya dan kepada industri pelancongan khususnya. Kemudian dari penganalisaan ini isu dan masalah akan dikenalpasti untuk dijadikan asas kepada pembentukan cadangan ataupun garis panduan.

Pada peringkat akhirnya polisi dan cadangan akan dibentuk berdasarkan penemuan yang diperolehi semasa kajian tapak. Polisi dan cadangan ini dibentuk untuk memperbaiki keadaan yang kurang memuaskan agar bangunan-bangunan atau kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan pemuliharaan dapat dipelihara dengan sokongan dari polisi atau garis panduan yang menyeluruh.

ISI KANDUNGAN

SENARAI BAB	MUKASURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI PELAN	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Kawasan kajian	2
1.2 Kenyataan masalah	2
1.3 Tujuan kajian	4
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Skop kajian	5
1.6 Metodologi kajian	8
1.6.1 Peringkat kajian	
1.7 Hasil Akhir	10
BAB 2 : TEORITIKAL	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kepentingan pengekalan dan pemuliharaan	14

2.3	Definisi pengekalan dan pemuliharaan	18
2.4	Pendekatan pembangunan dan pemeliharaan bangunan	21
2.5	Tinjauan pengekalan dan pemuliharaan di Malaysia	25
	2.5.1 Perundangan	
	2.5.2 Kewangan	
	2.5.3 Pembangunan dan kawalan perancangan	
	2.5.4 Pengurusan dan pentadbiran	
2.6	Tinjauan pengekalan dan pemuliharaan di United Kingdom.	39
	2.6.1 Perundangan	
	2.6.2 Kewangan	
	2.6.3 Pembangunan dan kawalan perancangan	
2.7	Rumusan	49

BAB 3 : ANALISA

3.1	Lokasi kawasan kajian	51
3.2	Latar belakang kawasan kajian	53
3.3	Corak pembangunan	58
3.4	Kawalan pembangunan di kawasan kajian	60
3.5	Organisasi perlaksana program pemuliharaan	62
	3.5.1 Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB)	
	3.5.2 Muzium Negeri Melaka (MNM)	